

## Denggi ragut 10 nyawa

**Kes di Negeri Sembilan catat 2,205 kes sejak 1 Januari sehingga 14 Disember lepas**

### SEREMBAN

Jumlah kes demam denggi di Negeri Sembilan terus mencatatkan peningkatan kepada 2,205 kes sejak 1 Januari sehingga 14 Disember lepas dengan 10 kematian berbanding empat kematian daripada 1,740 kes yang direkodkan dalam tempoh sama tahun lepas.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes denggi di negeri itu meningkat sebanyak 26.7 peratus.

"Taburan kumulatif kes

denggi di Negeri Sembilan pada tahun ini adalah sebanyak 1,763 kes di daerah Seremban, Port Dickson (103), Tampin (101), Jempol (79), Rembau (60), Jelebu (50) dan Kuala Pilah (49)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak lapan lokaliti wabak dikesan masih aktif dengan tujuh daripadanya di daerah Seremban manakala satu di Kuala Pilah setakat 14 Disember lepas.

"Ia melibatkan kawasan di Seremban iaitu Taman College Height, Taman Desa, Taman Desa Ria, Taman Tuanku Jaafar Fasa 3, Taman Angsamas, Taman Desa Rhu, Kampung Baru Rasah manakala di Kuala Pilah hanya melibatkan Taman Bahagia De-



VEERAPAN

lima," katanya.

Veerapan berkata, ekoran peningkatan bilangan kumulatif kes denggi, aktiviti pencegahan dan kawalan telah dipergiatkan dan diperhebatkan termasuk menjalankan aktiviti mencari dan musnah tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Selain itu, aktiviti memusnahkan larva, semburan asap, ops gempur aedes, promosi kesihatan dan gotong-royong melibatkan pihak masyarakat turut diadakan," katanya.

Bagi mengurangkan penularan serta mengelak peningkatan demam denggi, beliau berkata, orang ramai digesa agar menjaga kebersihan di sekitar kawasan perumahan masing-masing.

Selain itu, beliau menasihati

### Kes demam denggi di Negeri Sembilan

Catat 2,205 kes sejak 1 Januari sehingga 14 Disember lepas dengan 10 kematian

Meningkat sebanyak 26.7 peratus berbanding tahun lalu

Taburan kumulatif kes denggi:

- 1) Seremban 1,763 kes
- 2) Port Dickson 103 kes
- 3) Tampin 101 kes
- 4) Jempol 79 kes
- 5) Rembau 60 kes
- 6) Jelebu 50 kes
- 7) Kuala Pilah 49 kes

kan individu yang ingin melakukan aktiviti luar semasa waktu puncak gigitan aedes dari jam 5 pagi hingga 8 pagi dan 5 petang hingga 8 malam supaya memakai pakaian cerah dan berlung panjang serta menggunakan bahan pencegah nyamuk. - Bernama